



**PELAWAAN UNTUK CADANGAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)  
CADANGAN MEMBEKAL SISTEM e-TICKETING UNTUK  
MARA LINER SDN. BHD. BAGI TEMPOH 36 BULAN**

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO. RFP	TAJUK KERJA (RFP)	TARIKH	TARIKH IKLAN DIBUKA	TARIKH TUTUP RFP
MLHQ/2019/03	CADANGAN MEMBEKAL SISTEM e-TICKETING UNTUK MARA LINER SDN. BHD. BAGI TEMPOH 36 BULAN	26/3/2019 HINGGA 8/4/2019	26/3/2019 (SELASA)	8/4/2019 (ISNIN)
<b>Sesi Taklimat akan diadakan pada 2 April 2019 (Selasa) jam 10.00 pagi bertempat di Tingkat 4, Ibu Pejabat MARA Liner Sdn. Bhd. Lot 26 – G Lorong Medan Tuanku 1, 50300 Kuala Lumpur</b>				
<b>(Pembelian dokumen pada 26/3/2019 sehingga 2/4/2019 sebelum 10.00 pagi)</b>				

- Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan dan simpanan MLSB semasa permohonan RFP dikemukakan:-
  - Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat (SSM)
  - Profil Syarikat
  - Penyata akaun 3 bulan terkini
- MLSB berhak menolak permohonan yang pada anggapan MLSB tidak layak.
- Syarikat adalah diwajibkan menghadiri taklimat untuk menyertai RFP ini. Dokumen RFP perlu dibawa semasa sesi taklimat.
- Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran RFP sahaja.
- Dokumen RFP boleh dibeli dengan harga RM50.00 dan diperolehi pada waktu pejabat (9.00pg - 4.00 ptg) seperti alamat di bawah. Wang ini tidak akan dikembalikan
- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.
- MLSB tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran tertinggi atau sebarang tawaran. MLSB berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- RFP yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. RFP dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dihantar terus ke alamat di bawah:-

**Ketua Pegawai Operasi**

Lot 26-G, Lorong Medan Tuanku 1,  
50300 Kuala Lumpur.

**Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari**

- Dokumen RFP yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengahari, 8/4/2019 tidak akan diterima atau dipertimbangkan